

Akta Majlis Gaji sektor tanpa kesatuan akan dikaji: Fong

BH 27 APR 2000

KUALA LUMPUR, Rabu – Kementerian Sumber Manusia akan mengkaji kemungkinan menguatkuasakan Akta Majlis Gaji di sektor yang tidak mempunyai kesatuan sekerja bagi menjamin kebajikan pekerja.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata majlis berkenaan perlu diwujudkan di beberapa sektor tertentu bagi membolehkannya menjadi penasihat kepada pekerja dalam mendapatkan hak termasuk dari segi penetapan gaji minimum dan gaji tetap.

Katanya, melalui majlis itu juga kementerian boleh menentukan kategori pekerja yang memerlukan penentuan gaji tetap atau minimum ber-

dasarkan cadangan Majlis Gaji Kebangsaan.

“Saya sudah mengarahkan ketua setiausaha kementerian untuk menjalankan kajian terhadap beberapa sektor tertentu yang perlu diwujudkan Majlis Gaji berkenaan.

“Melalui hasil kajian itu, kita akan cadangkan supaya sektor terbabit mewujudkan Majlis Gaji untuk memberi nasihat kepada pekerja mengenai pelbagai perkara membabitkan kebajikan pekerja.

“Cadangan mewujudkan majlis berkenaan di sektor tertentu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dipertimbangkan,” katanya kepada pem-

berita selepas mesyuarat mingguan kementeriannya, di sini hari ini.

Majlis Gaji Kebangsaan adalah sebuah badan yang berperanan sebagai penasihat kerajaan sebelum mengadakan sebarang garis panduan atau peraturan am terhadap penetapan minimum dan gaji tetap.

Dr Fong berkata, setiap sektor perlu ada satu kaedah terbaik supaya dapat membantu serta memberi sokongan kepada pekerja ke arah menjaga kebajikan mereka.

Katanya, antara sektor yang sudah mempunyai Majlis Gaji ialah pekerja di pelabuhan, panggung wayang dan kedai runcit.

Dr Fong berkata, pada

keseluruhannya, kementerian berpendapat sistem gaji yang terbaik di negara ini adalah kadar gaji tetap kerana ia lebih terjamin dalam menjaga kebajikan dan keperluan keluarganya.

“Ini penting dalam menjamin sosio ekonomi pekerja selain menggalakkan mereka meningkatkan produktiviti.

“Saya yakin gaji tetap bukan menjadi beban kepada majikan, sebaliknya dianggap satu tanggungjawab dalam menjaga kebajikan pekerja.

“Majikan juga seharusnya menyediakan pelbagai kemudahan dan peralatan kepada pekerja bagi menggalakkan mereka bekerja lebih produktif,” katanya.